

Rozman meriahkan Aidilfitri UMSKAL

UB 31.8.13 AG

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Rozman Islitelah menghadiri sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Kehadiran Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan memeriahkan lagi hari lebaran tahun ini yang diadakan di ruang legar bangunan

menara universiti itu.

Ketibaan beliau disambut oleh Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah.

Antara tetamu yang hadir termasuk Yang Dipertua Dewan Perniagaan

Melayu Malaysia Cawangan Labuan, Datuk Yussof Mohamad dan Pengerusi MIC Bahagian Labuan, Ramasamy Rengasamy, ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan.

Ismail berkata majlis itu diadakan untuk meraikan kakitangan UMSKAL dan merapatkan lagi hubungan silaturrahim dengan kakitangan jabatan dan agensi kerajaan.

Tetamu dan kakitangan UMSKAL dihidangkan dengan pelbagai juadah termasuk kelupis, nasi hujan, rendang, daging kambing dan kuih-muih.

Majlis yang bermula jam 9.30 pagi itu dimeriahkan dengan nyanyian lagu-lagu raya oleh kakitangan UMSKAL.



ZAMRI (lima kiri) bergambar kenangan bersama kakitangan UMSKAL yang menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri 2013 itu.